

04 JUN 2000

Fong-Gaji

LAPORAN POLIS: KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SEDIA BERI KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada polis dalam siasatan terhadap dakwaan kononnya kementerian sengaja melengah-lengahkan isu pemberian gaji bulanan kepada pekerja ladang.

Menterinya Datuk Dr Fong Chan Onn berkata demikian ketika mengulas dakwaan terdapat pihak yang telah membuat laporan polis terhadap kementerian berhubung perkara itu hari ini.

Katanya, kerajaan pada dasarnya telahpun bersetuju dengan konsep gaji bulanan pekerja ladang sepertimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Masalahnya sekarang ialah bagaimana kita nak tentukan satu struktur skim gaji bulanan yang terbaik untuk pekerja yang sekaligus dapat meyakinkan majikan bahawa skim itu tidak akan menjejaskan daya saing sektor perladangan," katanya kepada wartawan selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan di sini.

Beliau berkata jawatankuasa penyelidikan khas Universiti Malaya yang dilantik Mac lepas sedang dalam proses terakhir bagi menilai sistem pembayaran upah yang ada sekarang dan cadangan pembaharuannya yang mengambil kira gaji asas bulanan jangka akan dikemukakan kepada pihak kementerian hujung bulan ini sebelum dibawa ke Kabinet.

"Sebaik sahaja Kabinet meluluskan cadangan jawatankuasa tersebut, saya sendiri akan menemui Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) dan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) untuk meyakinkan mereka dan para pekerja bahawa inilah sistem yang paling baik untuk mereka," kata Dr Fong.

Mengenai gaji minimum, Dr Fong berkata, beliau telahpun berjumpa dengan Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) dan menerangkan kepada mereka bahawa kerajaan tidak pernah menentang konsep gaji minimum.

Sehubungan itu, pihaknya telahpun mengaktifkan semula Majlis Gaji Minimum kata beliau.

Yang turut menghadiri majlis itu ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok.

-- BERNAMA

NHA FAZ